

**KEBERKESANAN ZAKAT BANTUAN MODAL KEPADA
USAHAWAN ASNAF MISKIN DI TERENGGANU.**



**RESEARCH MANAGEMENT INSTITUTE (RMI)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR
MALAYSIA**

OLEH:

**DR. MOHD SABRI B ABDUL GHAFAR (Ketua)
DR. ZAINUDIN B ZAKARIA
ROHANA BT YUSOFF
MOHD ARIFF B KAMALUDIN
AZIAN BT ABDUL GHANI**

JANUARI 2017

PENGHARGAAN

Kami ingin merakamkan penghargaan kepada organisasi dan individu-individu sebagaimana berikut:

Y.Bhg. Dato' Haji Wan Mohd bin Wan Ibrahim
Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu
(MAIDAM)

Tuan Hj Razi b Bidin Timbalan Ketua Eksekutif, MAIDAM

Tuan Hj Mohd Noor bin Mohamad (Mantan Pengarah Baitulmal, MAIDAM)

Pegawai dan staf-staf di Bahagian Pengurusan Zakat MAIDAM terutama Ustaz Yaacob bin Abdullah dan Ustaz Muhamad Juhari bin Ismail.

LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (LZS) & MAJLIS ZAKAT MUIS Sdn. Bhd.

BAITULMAL MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP)

Para pembanci:

Sdri Sharifah Syazlin binti Syed Muhsin, Sdri Wan Nur Arifa binti Wan Yusof dan Sdra Razi Irfan bin Md Rashid

En Hanafi b Abdul Latif (Pensyarah Sains Komputer, UiTM Terengganu).

1. RINGKASAN EKSEKUTIF

Terengganu merupakan antara negeri yang tertinggi jumlah kutipan zakat selepas Selangor dan Wilayah Persekutuan. Sebagaimana Majlis Agama Islam negeri-negeri lain di seluruh Malaysia, MAIDAM tidak terkecuali dalam merangka suatu inisiatif untuk membangunkan golongan usahawan yang terdiri dari kalangan asnaf miskin dalam usaha membebaskan mereka dari belenggu kemiskinan. Inisiatif ini bertujuan untuk menambah keupayaan golongan tersebut untuk berdikari sesuai dengan falsafah “memberi joran lebih baik dari memberi ikan”. Program ini merupakan suatu bentuk pemberian bantuan modal kepada asnaf yang layak dan memenuhi syarat-syarat yang ditentukan untuk menjalankan sesuatu aktiviti perniagaan. Bantuan ini bermula dengan bantuan modal berskala kecil kepada modal berskala besar. Kajian ini tertumpu kepada seramai 295 penerima bantuan modal dari kalangan asnaf miskin di Terengganu bagi tahun 2014. Kajian dijalankan menggunakan kaedah kuantitatif. Data primer untuk kajian ini diperolehi dengan menemubual responden menggunakan soal selidik. Temu bual diadakan dengan semua penerima bantuan. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah satu soal selidik yang telah direka bentuk oleh penyelidik sendiri. Kajian menunjukkan keberkesanan bantuan modal zakat yang diberikan kepada asnaf miskin oleh MAIDAM sangat berkait rapat dengan sikap, pemantauan, bimbingan dan disiplin penerima bantuan tersebut. Data yang dihasilkan oleh kajian ini menunjukkan bahawa pencapaian matlamat keberkesanan bantuan modal zakat yang diberikan kepada usahawan asnaf masih berada di tahap yang rendah. Melalui kajian ini pengkaji mendapati tiga faktor utama yang mempengaruhi tahap keberkesanan bantuan modal zakat MAIDAM yang rendah iaitu kaedah pemilihan asnaf yang tidak begitu efisien, proses pemantauan tidak dijalankan dan ketiadaan bimbingan secara berkesan dan tersusun. Pengkaji telah mengemukakan cadangan Model Pembangunan Usahawan Asnaf MAIDAM (PUASMA) bagi mempertingkatkan keberkesanan bantuan modal zakat MAIDAM kepada asnaf yang telah menerima bantuan tersebut. Model ini telah mengambilkira faktor keterbatasan kemampuan MAIDAM sebagai agensi pengurus zakat di Terengganu dan kesediaan pihak universiti awam untuk menyumbang kepakaran bagi membangunkan sosio ekonomi golongan miskin di Terengganu. Model ini belum diguna oleh mana-mana negeri di Malaysia sehingga kini.

2. PENGENALAN

Zakat berperanan mengagihkan kekayaan di kalangan masyarakat Islam supaya jurang golongan kaya dengan yang miskin dapat dikurangkan. Islam mempromosikan keseimbangan sosial dengan membuka seluas-luasnya aliran kekayaan kepada setiap individu dalam masyarakat. Kekayaan tidak sepatutnya hanya berlegar di kalangan golongan kaya (al-Quran, 59:7). Islam memberi perhatian yang istimewa terhadap isu kemiskinan. Para ulama Islam telah bersependapat mengatakan bahawa keutamaan dalam agihan zakat ialah untuk membasmi kemiskinan. (al-Qaradawi, 1981)

Menurut Faridi (1980), salah satu objektif dasar fiskal Islam ialah untuk menjamin supaya setiap individu dalam sebuah masyarakat itu mempunyai mata pencarian hidup yang minimum. Objektif ini dapat dipenuhi melalui bantuan zakat kepada golongan fakir dan miskin sebagaimana dijelaskan dalam al-Quran (9: 103). Kahf (1999) berpendapat kemiskinan di negara umat Islam berpunca dari produktiviti dan tahap pembangunan ekonomi yang lemah. Bagi mengatasi masalah kemiskinan peranan zakat perlu disokong oleh instrumen-instrumen ekonomi yang lain seperti waqaf, wasiat, sedekah dan sebagainya, Kuran (2000) menyokong pandangan Kahf bilamana beliau membuat kajian tentang keberkesanan peranan zakat di Pakistan, Malaysia dan Arab Saudi beliau mendapati sekiranya peranan zakat tidak mendapat sokongan sektor ekonomi yang lain, maka usaha untuk membasmi kemiskinan akan menemui kegagalan. Kegagalan ini disebabkan kerana zakat yang dilaksanakan pada masa kini tidak berada pada tahap yang optima. Perkara yang sama juga ditemui oleh Abdelbaki (2014) bilamana dapatan kajian yang dilakukan di Mesir menunjukkan bahawa tanpa penglibatan lain-lain instrumen kebajikan, zakat tidak mampu menghapuskan kemiskinan di negara tersebut.

Mannan (1989) optimis terhadap peranan zakat untuk meningkatkan taraf hidup, pendapatan dan seterusnya membasmi kemiskinan dan mengurangkan jurang kaya dan miskin. Bantuan yang diberikan kepada golongan miskin dari dana zakat akan meningkatkan keupayaan dan produktiviti golongan miskin dari masa kesemasa. Jaafar (2006) mendapati trend kutipan zakat pendapatan di dua negeri (Selangor dan Wilayah

ISI KANDUNGAN

Ringkasan Eksekutif	1
Pengenalan	2
Ringkasan Kajian Persuratan	6
Kaedah Penyelidikan	11
Keputusan dan Perbincangan	14
Kesimpulan dan Cadangan	23
Bibliografi	30